



**KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a) – LUAR NEGERI

Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan mempelawa pemohon-pemohon luar negeri yang berkelayakan dan bersesuaian untuk memohon jawatan akademik berikut:

1. **JAWATAN** : **Profesor Madya**
2. **BAHAGIAN** : **I**
3. **TANGGAGAJI** : **PT4 (\$6800 - \$7010) sebulan**
4. **KEKOSONGAN JAWATAN** : **Satu (1)**
5. **BIDANG** : **Ahli Sunnah Wal Jamaah**

6. **SYARAT-SYARAT KELAYAKAN :-**

- a. Mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- b. Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Agama Islam, Adat Isiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.
- c. Sebagai keperluan utama, mempunyai Ijazah Sarjana Muda (sekurang-kurangnya kelas dua atas) DAN Ijazah Sarjana (peringkat *distinction* sebagai kelebihan) DAN Ijazah Falsafah Kedoktoran (Ph.D) atau yang sebanding dalam bidang yang bersesuaian dari universiti / fakulti universiti /pusat pengajian universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (selepas ini dipanggil Kerajaan) dan terkemuka sebagai kelebihan.

Bagi yang tidak mempunyai Ijazah Sarjana, keperluan adalah tertakluk kepada tahap Ijazah Sarjana Muda (Kelas Pertama sebagai kelebihan) dari universiti/fakulti universiti/pusat pengajian universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan dan terkemuka sebagai kelebihan di mana calon menjalani kursus Ph.D dan kualiti pencapaian Ijazah Falsafah Kedoktoran (Ph.D).

- d. Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dan telah ditetapkan dalam jawatan Penolong Kanan Profesor dalam tanggagaji PT3 selama tidak kurang dari tiga (3) tahun; memenuhi petunjuk prestasi utama (KPI) yang telah ditetapkan untuk jawatan ini dari segi pengajaran, penyelidikan, penerbitan buku-buku akademik, sumbangan di dalam jurnal 'refereed journal', pentadbiran, penyeliaan tesis Ijazah Sarjana, perkhidmatan kepada masyarakat dan lulus penilaian bagi jawatan ini oleh panel dalaman dan panel bebas dari luar.

ATAU

Memenuhi kriteria-kriteria berikut :

- Mempunyai pengalaman yang cukup lama sebagai tenaga akademik di Pusat-Pusat Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan dan terkemuka sebagai kelebihan dan memegang jawatan yang sebanding dengannya;
- Mempunyai rekod dan reputasi cemerlang dalam pengajaran dan penyelidikan;

- Telah memegang jawatan yang sebanding dengannya bagi tempoh yang bersesuaian;
 - Di dalam penyelidikan TELAH menghasilkan tulisan-tulisan akademik yang diterbitkan di dalam 'refereed journal' atau sumbangan bab atau 'chapter' di dalam buku-buku akademik DAN menghasilkan buku-buku akademik yang telah mendapat pengiktirafan dan penilaian akademik;
 - Membuat penyeliaan tesis Ijazah Sarjana secara konsisten;
 - Menghasilkan kertas-kertas akademik bagi seminar/persidangan serantau/antarabangsa yang bertaraf tinggi
- e. Selain daripada kecemerlangan dalam pengajaran dan penyelidikan, juga membuktikan kebolehan dalam pengurusan Jabatan atau Fakulti seperti Ketua Jabatan atau Dekan atau Timbalan Dekan dan sebagainya.
- f. Mestilah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi ditahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

7. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

- a. Memberi kuliah dan *tutorial*.
- b. Menjalankan penyelidikan.
- c. Menyelia thesis Ijazah Sarjana dan/atau Ph.D.
- d. Menyumbang kertas-kertas akademik bagi seminar/persidangan.
- e. Menerbitkan hasil-hasil kerja akademik dan penyelidikan didalam bentuk buku dan didalam jurnal.
- f. Aktif didalam sumbangan kemasyarakatan berkaitan dengan bidang.
- g. Tugas dan tanggungjawab dibawah perkhidmatan Pusat Pengajian Tinggi.

8. TATACARA PERMOHONAN

Borang permohonan - borang KUPU SB/P1 bolehlah dimuat turun dengan melayari laman web: www.kupu-sb.edu.bn.

Kolej Universiti berhak menolak borang permohonan yang tidak diisi dengan lengkap dan yang tidak menyertakan dokumen-dokumen yang diperlukan.

Hanya pemohon-pemohon yang memenuhi syarat dan disenarai pendek (*shortlisted*) sahaja akan dihubungi untuk menjalani sesi ujian/temuduga.

Jika tiada maklum balas diterima dalam tempoh enam (6) bulan atau lebih, permohonan dianggap tidak berjaya.

Borang permohonan yang lengkap hendaklah dihantar ke alamat berikut:

BAHAGIAN PENTADBIRAN
PEJABAT PENDAFTAR
KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN
KM 2, JALAN RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA,
BANDAR SERI BEGAWAN, BA 2111,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Tarikh Buka Iklan:
20 JUN 2026

Tarikh Tutup Iklan:
11 JULAI 2026

Rujukan Iklan:
KUPU SB/PJW/6.01/26-2A

Jika ada sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi di nombor 2236277.